



SIARAN MEDIA

500 UNIT RUMAH DI BAWAH PROGRAM RESIDENSI RAKYAT BUKIT NENAS, KUALA NERUS SIAP DIBINA

KUALA NERUS, 10 Oktober 2024 - Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu telah menyempurnakan Majlis Penyerahan Kunci Program Residensi Rakyat (PRR) Bukit Nenas kepada seramai 30 orang penerima pagi ini.

PRR merupakan inisiatif kerajaan untuk menyediakan rumah mampu milik dan pakej sokongan berkaitan pemilikan kediaman khususnya bagi golongan berpendapatan rendah. Kerajaan Persekutuan menerusi **Belanjawan 2024: Reformasi Ekonomi, Memperkasa Rakyat** telah memperuntukkan sebanyak **RM546 juta** untuk membina **5,100 unit rumah baharu** bagi meneruskan pelaksanaan PRR.

PRR Bukit Nenas, Kuala Nerus merupakan salah satu (1) daripada empat (4) projek PRR di Terengganu. Projek ini melibatkan pembinaan **500 unit rumah pangsa jenis walk-up** berkeluasan **700 kaki persegi** di atas tanas seluas **17.4 ekar** dengan **kos peruntukan Kerajaan Persekutuan sebanyak RM96.15 juta**. Ia dilengkapi kemudahan seperti taska, tadika, dewan komuniti, surau dan unit kedai dan gerai untuk kemudahan penduduk setempat dan kawasan sekitar.

Sejak PRR diperkenalkan pada tahun 1998, sebanyak 166 projek yang melibatkan 104,081 unit rumah telah siap dibina di seluruh negara. Manakala 16 projek melibatkan 5,823 unit rumah sedang dalam pembinaan dan sebanyak 22 projek melibatkan 7,267 unit sedang dalam perancangan. Secara keseluruhan, **204 projek PRR ini akan memberi manfaat yang besar kepada 117,171 buah keluarga yang terdiri daripada golongan B40.**

Seiring dengan aspirasi Malaysia MADANI, pembinaan PRR Bukit Nenas ini turut mengambil kira elemen seperti keterhubungan dan akses internet seperti *fibre to the home* (FTTH), jaringan hubungan pengangkutan awam serta reka bentuk yang lebih ekonomik dan lebih selesa.

Bagi projek-projek PRR yang baharu, konsep pembangunan PRR ini dibangunkan dengan mengambil konsep pembangunan Program Perumahan Rakyat (PPR) sedia ada dengan penambahbaikan elemen dan skop tambahan. Elemen dan skop tambahan ini akan memberikan *best value for money*, meningkatkan nilai tambah (*value-added*), kualiti unit rumah, berdaya huni (*liveability*) serta bersifat mampan (*sustainable*).

Dalam usaha menggalakkan pemilikan kediaman, Kerajaan juga telah memperkenalkan *Home Ownership Campaign 2.0* (HOC 2.0) iaitu pengecualian duti setem bagi surat cara pindah milik dan perjanjian pembiayaan bagi pembeli rumah pertama. Pengecualian duti setem ini bermula dari 1 Januari 2021 sehingga 31 Disember 2025 iaitu pengecualian duti setem sebanyak 100 peratus untuk rumah berharga RM500 ribu ke bawah.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sentiasa komited untuk memastikan pembinaan perumahan rakyat yang berdaya huni melalui penyediaan konsep pembangunan bersepadu menerusi PRR yang berteraskan kepada aspirasi Malaysia MADANI iaitu kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan.

Turut hadir, YB Dato' Haji Wan Sukairi bin Wan Abdullah, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Kesihatan Negeri Terengganu; YB Hishamuddin bin Abdul Karim, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Belia, Sukan dan NGO Negeri Terengganu; YBhg. Datuk Wira M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha KPKT; YBhg. Dato' Haji Wan Adnan bin Wan Derahman, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu; YAS Dato Ts. Nor Hisham bin Mohamad, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; dan YBrs. Tuan Haji Ahmad Azizi bin Zulkifli, Pegawai Daerah Kuala Nerus.

#MalaysiaMADANI

#StrongerTogether

#DemiPertawi

#UnityInDiversity

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

